

NO. SOALAN : 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

SOALAN :

YB. Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha Kementerian memperkenalkan dan mempromosikan negeri Sabah khususnya di Parlimen Libaran yang berbagai suku budaya yang masih belum diterokai.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sememangnya berusaha mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang unik bagi menarik lebih ramai pelancong asing dan menggalakkan pelancongan domestik; termasuk kawasan Parlimen Libaran Sabah yang mempunyai daya tarikan yang istimewa seperti Sepilok Orang Utan Sanctuary, Labuk Ray Proboscis Monkey Sanctuary dan Selingan Turtle Island.

Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara juga bekerjasama dengan Sabah Tourism Board (STB) dalam penganjuran beberapa program promosi Negeri Sabah, termasuk tarikan-tarikan pelancongan di kawasan Parlimen Libaran seperti yang berikut:

- i) Menganjurkan Lawatan Mega Fam untuk media dan pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Cathay Pacific, Dragon Air dan Royal Brunei Airlines. Lawatan sedemikian memberi keyakinan kepada pihak wakil industri asing untuk meneruskan usaha membangunkan dan mempromosikan pakej ke Sabah di samping menjana publisiti media.
- ii) Membawa para pengusaha pelancongan Negeri Sabah termasuk pengusaha-pengusaha yang sedia menawarkan tarikan-tarikan di Libaran sebagai produk untuk berjumpa dengan para pengusaha pelancongan asing dalam pameran pelancongan antarabangsa seperti International Tourism Bourse (ITB) di Berlin, di Jerman; World Travel Mart (WTM) di London; China International Travel Mart (CITM) di Shanghai/Kunming dan misi Jualan Pelancongan bagi mempromosikan produk masing-masing.

- iii) Melaksanakan promosi dalam talian secara usaha sama dengan Air Asia serta lain-lain *Online Travel Agents* yang terkemuka di pasaran. Pakej-pakej pelancongan ke Sepilok, Selingan dan Labuk Bay kini semakin mendapat perhatian dan semakin “visible” di portal-portal pelancongan antarabangsa.
- iv) Usahasama juga dijalin dengan rakan-rakan industri pelancongan di China dan telah berjaya mengadakan penerbangan sewa khas (*Chartered Flights*) daripada pasaran ke Kota Kinabalu dan program-program tambahan ke wilayah-wilayah Sabah termasuk di Libaran dipromosikan.
- v) Menerbitkan risalah negeri Sabah yang mengandungi maklumat tarikan-tarikan pelancongan di Sabah. Risalah ini diedarkan melalui pejabat-pejabat TM dalam dan luar negeri, pameran-pameran pelancongan domestik dan antarabangsa. Risalah juga boleh diakses secara digital di serata dunia.

Antara pendekatan strategik yang diambil di peringkat domestik untuk mempromosikan negeri Sabah dan Libaran termasuklah:

- i) Tourism Malaysia dengan kerjasama pengusaha-pengusaha pelancongan domestik telah menerbitkan risalah *Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages* yang antaranya mengandungi pakej-pakej pelancongan ke Selingan Turtle Island, Labuk Bay Sanctuary dan program homestay.
- ii) Tourism Malaysia menyertai pameran-pameran konsumer di peringkat negeri dan kebangsaan seperti MATTA Fair, *Cuti-Cuti 1Malaysia (CC1M)* Dekat Je Travel Fair dan Karnival Pelancongan Belia sepanjang tahun. Untuk mempromosikan negeri Sabah dan kawasan Parlimen Libaran, penggiat industri pelancongan dijemput untuk turut menyertai pameran-pameran tersebut di bawah payung Tourism Malaysia.
- iii) Tourism Malaysia dengan kerjasama MATTA Sabah Chapter telah menerbitkan risalah “*Best of Borneo Holiday Packages*”. Inisiatif ini diambil

untuk mempromosikan Sabah menerusi pelbagai tawaran pakej percutian yang menarik. Risalah yang mengandungi 36 pakej percutian ini telah dibangunkan dengan kerjasama 18 pengusaha pelancongan di Sabah. Pakej-pakej ini menawarkan pelbagai tempat percutian yang menarik di Sabah termasuk di kawasan Parlimen Libaran.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengatasi masalah ketidakseragaman kurikulum pendidikan prasekolah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan peruntukan Akta Pendidikan 1996 (550) Bab 2 – **Pendidikan Prasekolah, Seksyen 22:**

- (1) Menteri hendaklah menetapkan suatu kurikulum, yang dikenali sebagai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua tadika dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.
- (3) Mana-mana tadika yang bermaksud untuk melaksanakan apa-apa kurikulum sebagai tambahan kepada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah, sebelum melaksanakan kurikulum tambahan sedemikian, mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Pendaftar tentang maksud itu mengikut cara yang ditetapkan.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 22 (1), semua tadika kerajaan dan swasta hendaklah mengguna pakai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan iaitu Kurikulum

Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Walau bagaimanapun, berdasarkan peruntukan Seksyen 22 (3), mana-mana tadika boleh menggunakan kurikulum lain sebagai tambahan.

Buat masa ini, semua agensi pelaksana yang menyediakan pendidikan prasekolah adalah KPM, KEMAS, JPNIN dan Swasta yang berdaftar dengan KPM menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan mulai tahun 2010. Arahan ini terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2010: Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bertarikh 4 Ogos 2010.

KSPK mempunyai 6 tunjang pembelajaran iaitu tunjang komunikasi, tunjang kerohanian, sikap & nilai, tunjang kemanusiaan, tunjang keterampilan diri, tunjang fizikal & estetika dan tunjang sains & teknologi. KSPK ini menekankan kreativiti dan inovasi guru semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.